

PENYATA

KAWALAN DALAMAN

Tanggungjawab

Lembaga Pengarah (Lembaga) bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman Kumpulan dan perlu memastikan kecukupansertakeutuhannya. Lembaga telah mewujudkan proses mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko-risiko penting yang dihadapi oleh Kumpulan sepanjang tahun kewangan yang dikaji. Proses ini dikaji secara kerap oleh Lembaga dan mematuhi panduan kawalan dalaman, Penyata Kawalan Dalaman – Panduan untuk Pengarah-pengarah Syarikat Awam Tersenarai.

Dalam pembentukan dan penyemakan sistem kawalan dalaman, Pengarah mempertimbangkan kepentingan risiko yang berkenaan, kemungkinan kerugian yang ditanggung dan kos kawalan. Oleh itu, tujuan sistem kawalan dalaman ini adalah untuk menguruskan dan bukannya menghapuskan risiko kegagalan mencapai dasar dan objektif Kumpulan. Ia hanya boleh memberikan jaminan yang munasabah dan bukannya jaminan mutlak terhadap risiko kerugian besar.

Pengurusan membantu Lembaga menjalankan dasar berkenaan risiko dan kawalan dengan mengenal pasti dan menilai risiko-risiko yang dihadapi oleh Kumpulan untuk dipertimbangkan oleh Lembaga di samping merangka, mengendali dan memantau sistem kawalan dalaman.

Lembaga bersetuju bahawa sistem kawalan dalaman bagi tahun yang dikaji adalah mantap dan mencukupi untuk melindungi pelaburan pemegang-pemegang saham serta aset Kumpulan.



Persekitaran Kawalan Dalaman Dan Proses-Proses Penting

Kumpulan mengambil pendekatan terselaras dan rasmi untuk kawalan dalaman dan pengurusan risiko, termasuk yang berikut:

- Lembaga telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi Pengarah (RMCD) untuk membantu menyelia struktur pengurusan risiko secara keseluruhan. Untuk memantapkan RMCD, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Eksekutif (ERMC) telah ditubuhkan untuk menguruskan bahagian-bahagian risiko tertentu bagi Kumpulan. ERMC terdiri daripada Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pasaran & Pendanaan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kredit Bersama, Strategik & Modal serta Jawatankuasa Risiko Pengendalian & Undang-undang. Kedua-dua RMCD dan ERMC berjumpa secara berkala untuk menyemak, mempertimbangkan dan menangani isu-isu risiko.
- Prinsip, dasar, amalan, metodologi dan prosedur risiko disediakan kepada staf Kumpulan. Ianya kerap dikemaskini untuk memastikan ia kekal relevan dan mematuhi keperluan undang-undang. Dasar, metodologi dan prosedur dipertingkatkan apabila perlu untuk memenuhi perubahan persekitaran operasi dan/atau untuk terus memperbaiki pengurusan risiko.
- Struktur organisasi dirangka untuk mentakrifkan dengan jelas kebertanggungjawaban, panduan pelaporan dan pihak berkuasa yang meluluskan untuk membina sistem semak dan imbang yang sesuai bagi keperluan perniagaan dan aktiviti operasi. Ini termasuk membenarkan dan menetapkan had-had kuasa untuk membahagikan tugas-tugas secara betul.
- Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan (JAP) Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya membantu Lembaga menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman Kumpulan. JAP menyemak penyata kewangan Kumpulan dan laporan yang dikeluarkan oleh Audit Dalaman Kumpulan, juruaudit luar dan pihak berkuasa di samping mengambil tindakan susulan untuk menangani isu-isu yang terdapat di dalam laporan-laporan tersebut.

- Audit Dalam Kumpulan mengendalikan audit-audit bebas berasaskan risiko dan memberi jaminan bahawa rangka dan operasi rangka kerja risiko dan kawalan adalah berkesan di seluruh Kumpulan. JAP menyemak kerja Jabatan Audit Dalam Kumpulan termasuk menyemak pelan, kemajuan dan laporan audit yang dikeluarkan.
- Fokus Kumpulan adalah untuk mencapai pertumbuhan yang terjamin dan menguntungkan di dalam rangka kerja pengurusan risikonya. Pelan perniagaan tahunan dan belanjawan disediakan oleh bahagian perniagaan Kumpulan dan diserahkan kepada Lembaga untuk mendapat kelulusan. Prestasi sebenar disemak berbanding belanjawan dan penjelasan akan diberi tentang perbezaan utama secara bulanan, untuk membenarkan respons dan tindakan pembedahan diambil bagi mengurangkan risiko.
- Kumpulan mementingkan pembangunan dan latihan sumber manusia kerana ia menghargai nilai stafnya. Garis panduan betul disediakan oleh Kumpulan untuk perekrutan staf, kenaikan pangkat dan penilaian prestasi bagi menggalakkan budaya prestasi tinggi dengan mengganjari staf yang berprestasi tinggi dan menasihati staf yang berprestasi rendah. Program pengurusan dan latihan bakat berstruktur dijalankan untuk memastikan staf menerima latihan yang cukup dan cekap untuk menjalankan tanggungjawab mereka di samping mengenal pasti pemimpin-pemimpin masa depan untuk perancangan seterusnya.
- Kod etika telah dibentuk untuk melindungi dan mempertingkatkan reputasi jujur dan tulus Kumpulan. Kod Etika ini dirangka berdasarkan prinsip-prinsip berikut: mematuhi undang-undang sepenuhnya, mengekalkan reputasi ketulusan di segenap organisasi, mengelakkan konflik, memastikan kesempurnaan dan ketepatan rekod-rekod relevan, memastikan layanan yang adil untuk semua pelanggan, mengelakkan penyalahgunaan kedudukan dan maklumat serta memastikan kerahsiaan maklumat dan urusan niaga.



- Kumpulan telah menetapkan fungsi-fungsinya supaya mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang relevan. Sistem pematuhan telah dilaksanakan untuk membolehkan staf membuat swanilai dan pelaporan secara kerap, justeru memberikan jaminan kepada pengurusan dan Lembaga bahawa staf menyedari dan mematuhi kehendak pengawalaturan. Satu proses kini dijalankan untuk menstandardkan amalan ini di seluruh Kumpulan AmBank. Latihan kesedaran pematuhan dijalankan secara berkala untuk memastikan staf mengikuti perkembangan undang-undang perbankan, insurans, sekuriti dan anti pengubahan wang haram serta perkembangan pengawalaturan lain. Program latihan ini membantu staf mengembangkan kemahiran mereka untuk menangani isu pematuhan serta memupuk etika korporat yang baik.